

**ILTIZAM MEREFORMASIKAN****Pendidikan Negara**

Pelan pembangunan pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan dikatakan berfungsi untuk meningkatkan prestasi murid sejajar dengan piawai pendidikan antarabangsa, meningkatkan pandangan ibu bapa dan masyarakat terhadap dasar pendidikan negara serta mempersiapkan generasi muda di negara ini untuk menghadapi keperluan pendidikan pada masa akan datang.

Dalam konteks ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dilihat mencatatkan kejayaan selepas 10 tahun pelaksanaannya seperti yang tercatat dalam Laporan Tahunan 2022 yang telah dilancarkan pada Ogos lalu. Laporan tersebut dipercayai mampu memacu transformasi pendidikan negara ke tahap yang lebih baik.

Kementerian Pendidikan (KPM) maklumkan bahawa dalam Laporan Tahunan 2022 itu jelas menyatakan bahawa walaupun terdapat pelbagai cabaran dan rintangan, namun hal tersebut dapat diatasi dengan keazaman yang tinggi oleh pelbagai pihak. Laporan Tahunan 2022 PPPM terus melakar pencapaian melalui pelaksanaan inisiatif pelan tersebut dan tumpuan pelaksanaan kini diteruskan pada tahun 2023.

Laporan Tahunan 2022 dilancarkan oleh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek di Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, Selangor, pada Ogos lalu. Laporan tahunan PPPM yang bermula sejak tahun 2013 itu menunjukkan bahawa setiap pencapaian transformasi sepanjang sedekad dengan menggariskan impak PPPM terhadap pendidikan di semua peringkat yang terlibat.

PPPM dilancarkan pada tahun 2013 apabila negara kita mula mengorak langkah untuk memulakan laluan berwawasan dengan melancarkan pelan tindakan pendidikan komprehensif yang bertujuan untuk mengubah landskap pendidikan negara ke arah yang lebih baik. Pelan transformasi ini bertujuan untuk menangani isu kebolehpasaran, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan serta menetapkan hala tuju untuk meningkatkan mutu sektor pendidikan negara.

Laporan ini boleh dianggap sebagai bukti pencapaian penting selepas tempoh 10 tahun pelaksanaannya, sekali gus membuktikan komitmen KPM dalam usaha mentransformasikan pendidikan negara. Laporan tahunan itu bukan sahaja meraikan pencapaian dalam tempoh sedekad pelaksanaannya, malah turut

memberikan penerangan tentang cabaran yang dihadapi dalam usaha mentransformasikan pendidikan di negara ini. Dalam hal ini, pihak berkepentingan boleh merujuk setiap laporan tahunan dari tahun 2013 hingga tahun 2022 untuk mengetahui tentang kualiti yang diperoleh hasil daripada sedekad pelaksanaannya.

Perubahan tampuk kepimpinan negara turut memerlukan usaha pihak berwajib untuk melakukan reformasi pendidikan negara. Oleh itu, aspek ini juga perlu mengambil kira pandangan guru sebagai ejen pelaksana terhadap dasar kerajaan. Hal ini demikian kerana guru merupakan aset kerajaan yang sangat berharga dan barisan harapan yang sentiasa bertanggungjawab bagi memastikan pencapaian modal insan dapat dihasilkan. Sebagai contoh, pengalaman guru dalam menyempurnakan amanah mendidik anak bangsa sewajarnya dihargai dengan mengambil kira idea serta pengalaman mereka yang berada dalam persekitaran pendidikan. Pengalaman mereka yang begitu luas dalam mendidik anak bangsa pastinya mampu memberikan input yang bermanfaat kepada pihak pengurusan tertinggi yang berkecimpung dalam lapangan pendidikan negara.

Usaha mereformasikan bidang pendidikan negara sudah pasti sangat

mencabar dan memerlukan pihak berkuasa membuat rundingan dengan pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan, ahli akademik dan ibu bapa. Dalam konteks ini juga, keterlibatan guru serta pakar pendidikan amatlah perlu dalam usaha melakukan reformasi terhadap pendidikan negara. Pelibatan mereka amat penting demi mendapatkan input yang berguna bagi merangka strategi atau pelan pendidikan pada masa akan datang. Dengan mengambil kira pandangan guru, negara mampu mencapai kualiti pendidikan yang lebih baik kerana mempunyai guru yang komited terhadap tugas yang diamanahkan. Mereka perlu diberi ruang dan peluang bagi membantu pihak berkuasa menggubal dasar pendidikan baharu yang lebih relevan selaras dengan arus perkembangan semasa.

Bagi memastikan idea baharu kelak dapat dilaksanakan pada peringkat dasar, sudah tentu pihak yang komited dan pakar perlu dilibatkan sama pada peringkat penggubalan dasar pendidikan. Sesungguhnya reformasi terhadap pendidikan negara memerlukan langkah yang betul sedari awal lagi. Terkini, fokus reformasi pendidikan pascapandemik adalah untuk merapatkan jurang, meningkatkan kualiti, memastikan kebajikan guru menjadi teras utama serta menjadikan pendidikan tinggi sebagai kesinambungan kepada peluang masa depan yang lebih cerah untuk pelajar. Pembaharuan dalam aspek pendidikan memerlukan pengubahsuaian atau pindaan dalam sistem pendidikan negara. Ertinya, cadangan dan pelaksanaan reformasi pendidikan perlu melibatkan faktor politik, sosial serta perancangan konstruktif kerana inisiatif ini mempunyai kesan yang sangat besar terhadap masa depan negara.

Objektif utama dalam usaha mereformasikan pendidikan negara termasuklah dengan meningkatkan sistem pendidikan sedia ada, selain mengetengahkan budaya pembelajaran baharu yang sesuai dengan cita rasa anak muda demi masa depan mereka.

Cadangan pembaharuan pendidikan mendedahkan maksud tersirat bahawa terdapat aspek dalam sistem pendidikan yang perlu diperbaiki atau diperbetul. Sistem pendidikan di negara ini perlu mengutamakan aspirasi golongan muda yang merupakan modal insan negara untuk masa akan datang.

Pembaharuan dalam bidang pendidikan dapat direalisasikan menerusi keazaman politik para pemerintah dan bergantung pada perundangan setiap negara serta perlu diperhalusi dengan sebaik-baiknya. Proses ini tidak mudah kerana usaha untuk mereformasikan pendidikan negara perlu dilakukan secara bertahap.

Malaysia perlu melaksanakan reformasi dalam bidang pendidikan secara holistik agar sejajar dengan pelaksanaan transformasi terhadap ekonomi negara untuk menghasilkan ekonomi yang berasaskan inovasi. Oleh sebab elemen inovasi merupakan kunci bagi mentransformasikan ekonomi negara, maka sistem pendidikan juga perlu menuju ke arah yang sama. Perubahan dalam bidang pendidikan ini sudah pasti akan dapat menghasilkan modal insan yang diharapkan untuk membawa negara ke tahap pembangunan ekonomi seterusnya, iaitu elemen yang dipacu oleh kreativiti dan inovasi.

Reformasi pendidikan yang dimaksudkan ini akan meningkatkan kualiti sekolah bagi membolehkan golongan muda menampilkan potensi sebenar masing-masing untuk mencapai kejayaan dalam ekonomi global yang semakin berdaya saing. Reformasi yang dilakukan terhadap sistem pendidikan juga akan membantu membina sebuah negara Malaysia yang bersatu padu kerana paksi kepada reformasi ini ialah pendemokrasian pendidikan negara.

Dengan menyediakan dan meningkatkan kualiti pendidikan untuk semua murid tanpa mengira bangsa, maka terhapuslah rasa terpinggir atau prejudis murid pelbagai kaum di Malaysia. Mereka mempunyai hak yang sama untuk menikmati pendidikan berkualiti di negara ini. Langkah untuk meningkatkan

kualiti pendidikan juga bererti usaha kerajaan dalam meningkatkan kemampuan rakyat pelbagai kaum agar dapat memperbaiki taraf sosioekonomi masing-masing, yang pada akhirnya akan menghapuskan punca utama segala sengketa dan prejudis pada masa akan datang.

Menyentuh tentang perubahan pendidikan negara, baru-baru ini YB Fadhlina Sidek turut menyenaraikan tiga "dosa besar" dalam kementerian yang perlu diberi perhatian. Jelas beliau, tiga perkara itu ialah buli, jenayah seksual dan isu perkauman yang perlu diatasi jika negara mahu terus melakukan anjakan terhadap pendidikan negara.

"Makam tertinggi dalam pendidikan ialah cinta dan kita tidak boleh melakukan apa-apa kerja tanpa rasa cinta, iaitu cinta kepada Tuhan, guru, murid-murid, ibu bapa dan ilmu," jelas beliau ketika ditemui oleh pihak media semasa program Town Hall Rakyat Bersama-sama YB Fadhlina Sidek di Shah Alam.

Mengulas mengenai nilai cinta yang diterapkan dalam kementerian yang diterajunya, beliau yang juga ahli Parlimen Nibong Tebal berkata, sifat sedemikian boleh menghakis segala perkara negatif yang wujud sama ada di dalam atau di luar sektor pendidikan. Beliau percaya bahawa dengan cara itulah kita dapat merapatkan lagi jurang dengan menyemai semangat perpaduan.

Pada hakikatnya, sistem pendidikan di negara ini juga memainkan peranan penting dalam memantapkan usaha pembinaan negara dan perpaduan nasional apabila sekolah bukan sahaja merupakan lokasi untuk menuntut ilmu, malah turut berfungsi sebagai sebuah agensi sosialisasi yang membolehkan kanak-kanak dari semua bangsa untuk bertemu dan berinteraksi. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memulakan usaha untuk menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama oleh setiap pelajar, tanpa mengira bangsa serta sebagai sebuah agensi yang berkesan untuk mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan nasional. □